

**Apa motif sebenar Himpunan Rakyat Bersatu? - Tun M
Astro Awani
September 16, 2015
Oleh Anthea Yap**

DR MAHATHIR: Apakah tujuan mereka? Apakah objektif sebenarnya perhimpunan itu? Nampaknya perhimpunan itu menyokong kerajaan.

CYBERJAYA: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mempersoalkan motif Himpunan Rakyat Bersatu yang diadakan di sekitar ibu negara, pada Rabu.

Menurutnya, objektif sebenar perhimpunan tidak dimaklumkan kepada umum sedangkan ia diadakan secara besar-besaran.

"Apakah tujuan mereka? Apakah objektif sebenarnya perhimpunan itu? Nampaknya perhimpunan itu menyokong kerajaan," katanya pada sesi perkongsian kisah pengalaman hidupnya bersama beberapa ikon terkenal tanah air dalam program The Story di Universiti Multimedia (MMU) di sini, hari ini.

Program The Story adalah inisiatif Badan Bukan Kerajaan (NGO) iaitu Generasi Bersatu Malaysia (GBM), bagi membantu pembangunan golongan belia di negara ini.

Sebelum ini, beliau pernah menyifatkan perhimpunan Rakyat Bersatu yang berlangsung pada sambutan Hari Malaysia tidak memperjuangkan nasib Melayu.

Sebaliknya perhimpunan itu diadakan bagi menentang perhimpunan Bersih 4.0 pada 29 hingga 30 Ogos lalu.

© 2015 Astro Awani Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/apa-motif-sebenar-himpunan-rakyat-bersatu-tun-m-73544>